

Lawatan ke Aceh beri **ibrah**



Pelajar UN Syiah Kuala bersama-sama pelajar USIM.

Aceh: Penyertaan dalam Program Kembara Kasih Ummah dan Pembudayaan Masyarakat di Banda Aceh di sini membolehkan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil pengajaran daripada bencana tsunami yang menimpa bandar itu lebih sedekad lalu.

Pensyarah pengiring, Prof Dr Norita Md Norwawi, berkata antara lokasi dikunjungi bersempena dengan lawatan enam hari oleh pelajar Fakulti Sains dan Teknologi itu ialah Makam Massal yang menempatkan ribuan mayat mangsa bencana alam itu serta Muzium Tsunami Aceh.

Katanya, mercu tanda yang dikaitkan dengan kejadian tsunami itu turut dilawati iaitu Masjid Rahmatullah yang tidak terjejas akibat bencana alam berkenaan serta kapal dipercayai dibawa arus ketika tsunami dan menyelamatkan nyawa insan berada di dalamnya.

"Objektif program ini dilaksanakan ialah mendedahkan kepada peserta mengenai budaya masyarakat Aceh dan memberi mereka peluang melihat sendiri tinggalan dan kesan bencana alam tsunami yang menimpa bandar itu pada tahun 2004.

"Sungguh banyak ibrah (pengajaran) yang kami peroleh daripada kembara ini dengan kisah menyayat hati selain

ketenangan dan kedamaian yang dirasai sepanjang berada di bumi Aceh," katanya.

Saat cemas

Peserta program, Muhammad Nor Amin Jamaluddin, berkata beliau berasa hiba mendengar penerangan daripada staf Muzium Tsunami Aceh terutama apabila mengenangkan saat cemas dilalui penduduk bandar itu serta melihat sendiri perkuburan besar yang menempatkan mayat mangsa bencana itu.

"Tidak dapat dibayangkan bagaimana mayat mangsa tsunami diangkat dan dikumpulkan serta diletakkan ke dalam satu lubang besar.

"Berada di atas kapal PLTD Apung 1 iaitu kapal penjana elektrik seberat 2,600 tan yang dihanyutkan sehingga lima kilometer daripada tempat asal pula mengingatkan kami kepada kebesaran Allah," katanya.

Rombongan itu turut mengadakan kunjungan hormat ke Universitas Islam Negeri Ar-Raniry dan UN Syiah Kuala iaitu universiti awam tertua di Banda Aceh.

Kunjungan itu bertujuan mengadakan forum bersama-sama pemimpin persatuan mahasiswa universiti terabit untuk bertukar pendapat dan pengetahuan.



Rombongan USIM bersama-sama seorang saksi kejadian tsunami (dua dari kiri, depan) yang terselamat ketika berada atas kapal.